

Konvokesyen lancar, meriah

Oleh NAZARUDIN SHAHARI

utusanN9@utusan.com.my

■ SEREMBAN 9 NOV.

PENGURUSAN Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) hari ini melahirkan rasa syukur dan gembira kerana majlis konvokesyen ke-13 universiti itu yang diadakan selama tiga hari sejak Sabtu lalu telah berlangsung dengan lancar.

Selain itu, Pesta Konvokesyen USIM Ke-13 (C'Fest 13) yang diadakan sempena majlis berkenaan juga meriah dengan kunjungan orang ramai dan pelbagai aktiviti.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, pada tahun ini, bilangan sidang penerimaan ijazah juga bertambah kepada lima berbanding empat pada tahun lalu dengan pertambahan bilangan penerima kepada 2,502 orang tahun ini berbanding 1,689 graduan tahun lalu.

Katanya, USIM percaya majlis konvokesyen tahun depan akan lebih baik terutamanya dengan siapnya pembinaan masjid yang



terletak berhampiran Dewan Besar USIM.

"Acara sampingan juga telah berjalan dengan baik yang mana kita lihat walaupun hujan pada waktu-waktu tertentu, namun sambutan orang ramai terhadap C'Fest tetap meriah.

"Kita juga dapat lihat sambutan baik yang ditunjukkan oleh orang ramai dalam pertandingan memancing walaupun acara ini sudah dua tahun tidak diadakan," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas sesi terakhir sidang penerimaan

ijazah dalam Majlis Konvokesyen USIM Ke-13 di Dewan Besar USIM, Nilai dekat sini, hari ini.

Istiadat pembukaan majlis konvokesyen tersebut telah disempurnakan Canselor USIM, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud yang juga Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan manakala C'Fest dirasmikan Pro-Canselor USIM, Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz.

Dalam perkembangan berkaitan, Musa memuji kerjasama strategik

antara USIM dengan Kumpulan Utusan dalam C'Fest yang sudah memasuki tahun kelima penganjurannya.

Beliau berkata, kerjasama itu bersifat 'menang-menang' antara universiti itu dengan kumpulan akhbar yang berpengaruh di negara ini.

"Secara keseluruhannya, majlis dan pesta kali ini telah mendapat liputan yang sangat memuaskan yang mana kedua-dua pihak telah meraih manfaat secara bersama.

"Kami berharap dapat meneruskan kerjasama bukan saja melalui penganjuran pesta konvokesyen akan datang, malah dalam beberapa program lain seperti USIM Street Dakwah bersama Kumpulan Utusan," ujarnya.

Sementara itu, para pengunjung C'Fest mengambil kesempatan hari terakhir pesta itu untuk mengunjungi gerai Kumpulan Utusan bagi mendapatkan barangan seperti kemeja T, buku dan majalah.

Acara jualan pada harga runtuh turut mendapat sambutan daripada para pengunjung pesta itu.